

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN : NO. 113

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memperkenalkan garis pendapatan minima bagi bayaran balik pinjaman PTPTN, seperti di Australia di mana hanya graduan dengan pendapatan lebih AUD54,126 setahun diwajibkan membayar balik bayaran balik pinjaman pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa meneliti kaedah-kaedah baharu yang boleh dilaksanakan untuk memastikan kemampunan kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui peningkatan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan. Salah satu kaedah yang dicadangkan adalah *Income Contingent Loans Repayment* (ICLR) yang mana melalui kaedah ini peminjam hanya perlu membayar balik pinjaman mengikut kadar tertentu yang ditetapkan berdasarkan pendapatan peminjam.

Cadangan pelaksanaan ICLR sedang dikaji oleh PTPTN secara terperinci. Buat masa ini, KPT memberi sepenuh perhatian terhadap rundingan iaitu galakan bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dan penguatkuasaan seperti pelaksanaan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (Central Credit Reference Information System).